

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN TUAN YANG TERUTAMA ZHU RONGJI
PERDANA MENTERI REPUBLIK RAKYAT CHINA (RRC)

TEMPAT: SRI PERDANA, PUTRAJAYA

TARIKH: 22 NOV 1999

MASA:

Adalah menjadi satu penghormatan bagi saya dan isteri saya untuk mengalu-alukan Tuan Yang Terutama dan isteri serta anggota-anggota rombongan ke Malaysia. Saya amat gembira sekali kerana Tuan Yang Terutama dan isteri berkesempatan sekali lagi untuk melawat Malaysia selepas perlantikan Tuan Yang Terutama sebagai Perdana Menteri Republik Rakyat China. Masih lagi terbayang dengan jelas pertemuan kita yang sangat berhasil di Beijing pada bulan Ogos yang lalu serta layanan mesra yang telah diberikan kepada saya dan rombongan saya. Tidak syak lagi lawatan ini juga akan memberi peluang sekali lagi kepada kita untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu kepentingan bersama kedua-dua buah negara.

2. Sejak terjalinnya hubungan selama 25 tahun yang lalu, banyak kemajuan telah dicapai di dalam hubungan dua hala di antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC). Adalah penting usaha bersepadu dibuat untuk terus membina kemajuan ini bagi meningkatkan kerjasama dua hala di dalam semua bidang. Saya yakin lawatan Tuan Yang Terutama akan dapat banyak menyumbang ke arah mencapai objektif ini.

3. Malaysia telah mengadakan 10 Perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MOU) dengan RRC. Sesungguhnya amat menggembirakan sekali kerana lawatan Tuan Yang Terutama ini dapat menyaksikan upacara menandatangani satu lagi Perjanjian, satu MOU dan satu pengaturan (arrangement) di antara kedua-dua negara, iaitu:-

- (i) Perjanjian Kebudayaan;
- (ii) MOU di antara Bank Negara Malaysia dengan People's Bank of China; dan
- (iii) Pengaturan mengenai pertukaran binatang.

4. Malaysia sangat gembira bahawa hubungan ekonomi di antara kedua-dua negara, terutamanya di dekad yang terakhir ini, telah berkembang maju baik daripada segi bidangnya atau jumlahnya. Nilai perdagangan dua hala kita dalam empat tahun lalu telah meningkat kepada RM15.1 billion pada tahun 1998, sejajar dengan kemajuan dan perkembangan kerjasama dua hala dan hubungan ekonomi. Kini, Malaysia merupakan rakan perdagangan kedua terpenting RRC di kalangan negara ASEAN manakala

RRC pula merupakan rakan perdagangan Malaysia yang ke sebelas terbesar. Pelaburan dua hala juga menampakkan kemajuan yang menggalakkan. Malaysia kini merupakan pelabur terbesar kedua di kalangan negara ASEAN di RRC. Pelaburan RRC di Malaysia, walaupun kecil, tetapi memperlihatkan kemajuan. Kami menghargai keputusan pihak RRC untuk turut terlibat di dalam projek kertas dan palpa di Sabah. Saya difahamkan projek ini yang bernilai RM4.3 bilion adalah pelaburan terbesar RRC di rantau ini. Kami berharap lebih banyak lagi syarikat RRC akan cuba meneroka peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia. Peluang untuk memperkembangkan lagi bidang ekonomi di antara Malaysia dan RRC adalah sangat luas. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru sektor-sektor perniagaan dari kedua-dua buah negara ini berusaha mengambil pendekatan yang lebih agresif dalam pemasaran dan promosi supaya dapat mengeksploit sepenuhnya potensi dan peluang-peluang yang ada.

5. Hubungan di antara rakyat dengan rakyat kedua-dua negara telah menunjukkan peningkatan sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Ini dapat dilihat dengan jelas di bidang pelancongan dan pendidikan. Bagi memudahkan lagi kemasukan pelawat-pelawat dan pelajar-pelajar RRC ke Malaysia, kita telah memansuhkan dan membuat beberapa pindaan kepada peraturan kemasukan yang merumitkan serta mencadangkan penubuhan pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Shanghai dan Kunming. Saya yakin langkah-langkah ini bukan sahaja akan membawa faedah ekonomi kepada kedua-dua pihak malah dapat merapatkan lagi hubungan persahabatan di antara Malaysia dan RRC.

6. Di peringkat serantau, saya amat gembira mendapati bahawa hubungan RRC dengan negara-negara ASEAN terus meningkat sepanjang masa. Kami sangat menghargai sokongan RRC, sebagai rakan dialog penuh ASEAN dan anggota Forum Serantau Asia, kepada beberapa cadangan dan inisiatif ASEAN bagi memperkukuhkan kerjasama serantau. Malaysia mengalu-alukan penerimaan RRC terhadap Protokol ASEAN mengenai Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara. Malaysia percaya bahawa kesediaan RRC untuk menandatangani Protokol tersebut merupakan komitmen RRC terhadap usaha mengujudkan kestabilan dan keamanan di rantau ini dan usaha mengurangkan pertumbuhan senjata nuklear di dunia. Kami juga menghargai komitmen RRC di dalam memperkukuhkan proses perundingan dan kerjasama ASEAN dan RRC melalui rangka kerja yang sedia ada dipelbagai bidang termasuk merangka kod tatacara (Code of Conduct) di Laut China Selatan. Saya percaya bahawa kerjasama dan persahabatan yang rapat antara ASEAN dan RRC akan membawa kesan yang positif kepada kerjasama serantau di tahun-tahun akan datang.

7. Tuan Yang Terutama mungkin masih ingat di mana di dalam forum yang diadakan semasa lawatan saya ke

Beijing pada bulan Ogos lalu, saya telah mencadangkan supaya Malaysia dan RRC mengambil usaha-usaha baru untuk kemajuan rantau ini. Saya telah menggariskan beberapa bidang di mana Malaysia dan RRC serta negara-negara di rantau ini boleh bekerjasama bagi memastikan suara Asia Timur lebih lantang. Malaysia menghargai sokongan RRC dan juga sikap positif yang ditunjukkan terhadap cadangan-cadangan ini. Di dalam suasana serantau dan kewangan yang tidak menentu ini, Malaysia percaya masanya sudah tiba untuk konsep EAEC direalisasikan. Kumpulan serantau seperti ini akan dapat menyelesaikan dan membincang perkara-perkara kepentingan bersama yang khusus bagi negara-negara Asia Timur. Ianya juga akan dapat mengukuhkan kerjasama di antara negara-negara di rantau ini di alaf baru. Untuk lebih mempertingkatkan kerjasama serantau dan ekonomi, adalah bertepatan masanya untuk RRC, Malaysia serta negara-negara Asia Timur yang lain menimbang dengan mendalam mengenai penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur, yang faedah-faedahnya sudah tentu akan dihargai oleh negara-negara anggota berkenaan.

8. Negara-negara di Asia Tenggara sekarang terlalu bergantung kepada Eropah dan Amerika dalam bidang perdagangan. Tanpa perlu mengurangkan perdagangan itu, adalah penting juga perdagangan di kalangan negara Asia Timur diperbanyakkan sama dengan perdagangan dengan Eropah dan Amerika. Perimbangan dagangan ini akan pasti mengukuhkan ekonomi kita dan juga menyumbang kepada kestabilan dan pertumbuhan ekonomi dunia.

9. Krisis ekonomi yang melanda rantau ini baru-baru ini telah memperlihatkan kepada kita betapa lemahnya kerangka sistem kewangan dunia yang wujud sekarang. Adalah penting kelemahan-kelemahan ini diatasi melalui pembentukan kerangka kewangan yang baru dengan penyertaan negara-negara maju dan negara-negara membangun. Malaysia amat berharap RRC akan memainkan peranan yang positif dalam hal ini.

10. Krisis kewangan dan ekonomi yang melanda rantau kita jelas menunjukkan betapa lemahnya negara kita terhadap kuasa-kuasa tertentu yang menyalahgunakan globalisasi dan perdagangan bebas. Daripada keadaan ini kini muncul beberapa bentuk penjajahan yang baru. Cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh negara kita dan negara-negara di rantau Asia Timur menjelang abad baru adalah berat sekali. Adalah penting kedua-dua negara kita dapat memainkan peranan masing-masing, walaupun kecil, untuk memastikan sejarah peperangan, pertelingkahan dan kesengsaraan di abad ini tidak akan berulang lagi dan abad ke-21 akan menjadi satu abad baru di mana ekonomi serta politik antarabangsa adalah lebih adil dan saksama.